

info

usahawan

issue
1/21

nota minda masmed

penjenamaan
semula

fenomena
zamsaham

elon musk.

VISIONARI
MEREVOLUSI
DUNIA

9 771823 642005

ISSN 1823-6421

BAUNYA TIDAK DISUKAI... KHASIATNYA TINGGI

Rozita Shamsuddin, Emilia Abdull Manan, Mohd Masdi Abdul
Manan, Raja Norazila Raja Mohd Yusof
Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kelantan,
Kampus Machang, Kelantan

Roza Ventures telah didaftarkan di bawah akta perniagaan pada 10hb Mei 2020 dan dimiliki sepenuhnya oleh Encik Khairunnazar bin Muhamad Adis sebagai pemilik tunggal syarikat. Di bawah Roza Ventures, pihak syarikat telah menubuhkan satu jenama produk iaitu 'Roza Homemade Recipe' iaitu Roza GHP (Roza Garlic Herbs Pickle). Matlamat utama jenama ini adalah untuk mengeluarkan produk makanan tambahan keluaran sendiri dari hasil tanaman sendiri (Homemade and Homegrown Product).

Garlic Herbs Pickle (Jeruk Bawang Putih dan Herba) Ia adalah jeruk (pickle) bawang putih dan bawang lanang (solo garlic) yang sihat dan tinggi kandungan nutrisi. Ia diperam (fermented) dengan cuka epal organik sebagai penggalak (starter) pertumbuhan prebiotic dan probiotik (bakteria baik) dan diperisakan dengan herba-herba terpilih untuk memberi rasa yang enak dan tekstur yang ranggup. Ia ditambah dengan madu hutan asli yang mendapat kelulusan KKM dan tidak menggunakan sebarang bahan kimia dan pengawet tiruan di dalam proses pembuatannya.

Dengan Roza GHP, pengguna boleh mengambilnya pada bila-bila masa. Enak dimakan bersama ulam dan salad atau dimakan dengan sandwich, juga enak dimakan dengan

makanan kegemaran lain atau boleh dimakan begitu sahaja. Ianya adalah suatu produk yang versatile. Roza GHP membuatkan pengguna tidak jemu untuk mendapatkan khasiat semulajadi ini setiap hari sebagai makanan tambahan untuk kesihatan, tanpa menyedari baunya yang agak kuat sesuai dengan tagline Roza GHP, Mudah, Sihat, Sedap (Simply, Healthy & Delicious).

Idea untuk menghasilkan produk ini bermula dari minat yang mendalam terhadap bahan makanan berasaskan cuka organik sebagai pengawet semulajadi yang menurut kajian ianya semakin mendapat sambutan dan popular di seluruh dunia. Ini kerana wujudnya kesedaran yang tinggi tentang kesan berbahaya yang datangnya dari penggunaan pengawet dari sumber bahan kimia dalam makanan yang boleh mejejaskan kesihatan dalam jangka masa panjang

Melalui penyelidikan, produk berasaskan cuka semulajadi masih lagi kurang di dalam pasaran tempatan. Kebanyakan produk berasaskan cuka di dalam pasaran masa kini, samada dibuat daripada cuka buatan atau yang telah diseterilkan dan ditambah bahan kimia sebagai bahan pengawet untuk menjadikannya tahan lama. Proses tersebut telah menyebabkan produk kehilangan nutrisi dan kesegarannya.

Roza GHP telah dipasarkan secara kecil-kecilan terutama kepada rakan-rakan terdekat dan serta dipasarkan juga secara atas talian (online). Semenjak produk Roza GHP diperkenalkan pada 10hb Mei tahun lalu, ia telah mendapat komen-komen yang positif dan diterima baik oleh para pembeli. Maklumbalas inilah membuat keyakinan terhadap prospek masa hadapan produk ini. Rancangan masa depan adalah untuk meluaskan pasaran produk ini ke peringkat yang lebih tinggi agar terus dikenali pengguna. Sasaran masa depan adalah untuk memasarkan produk ini di pasaraya besar seperti Maidin, Giant dan pasaraya halal di seluruh negara.

Secara kesimpulannya, produk GHP memang terbukti mempunyai banyak khasiat melalui kesan positif kepada pengguna sungguhpun satu kajian yang terperinci perlu dilaksanakan untuk membuktikan keberkesanannya. Diharapkan produk ini mampu memartabatkan produk Muslim dan membanyakkan lagi usahawan di kalangan Bumiputera di Malaysia.



Bawang putih merupakan bahan utama di dalam produk Roza GHP

Antara Herba yang menjadi bahan campuran utama adalah Basil, Dill dan Parsley.

Bahan diadunkan dan disimpan di dalam balang fermentasi yang digunakan untuk proses pemeraman

Adunan yang diperam mengambil masa kira-kira seminggu sebelum boleh di botolkan dan seterusnya diedar dan dipasarkan.

PENERANGAN PROSES
PEMBUATAN ROZA GHP

